

TEMA-TEMA BESAR PEMIKIRAN MUHAMMAD AL-GHAZĀLĪ

Oleh:

Mohd Rumaizuddin Ghazali

Abstract

This article discusses the biography of Muhammad al-Ghazali, a famous ulama from Egypt. He has authored more than 60 books on many aspects of Islam. Among the main themes which often discusses are the correct process of interaction with the al-Qur'an, the status of women, the status of tasawuf, and the development of civilizations. He stresses that it is important for Muslims to adhere strictly to the teaching of the al-Qur'an as the basis for achieving success and progress.

Muhammad al-Ghazālī al-Saqā dilahirkan di kampung Nakla al-'Inat di daerah Ayta al-Bārūd di negeri Bahīra, Mesir pada 22 September 1917.¹ Di kampung Nakla al-'Inat ini jugalah lahirnya

¹ Ahmad Shanwānī, "Shaykh al-Ghazālī wa Khamsin 'Amman min al-Jihād", dalam *Tasawwuf al-Islāmī*, Zulqa'idah 1416, Bil. 11, tahun 18, al-Qahirah, hal. 12. Muhammad 'Imārah, *Shaykh Muhammad al-Ghazālī, Mawqī'a al-Fikr*, Hai'ah al-Misriyyah al-'Ammah lil Kitāb, al-Qahirah, 1992. hal. 11. Hayyām Darbik, "al-Tataruf Murādif li Jahl bi Ḥaḥiqat al-Islām", dalam Majalah *An-Noor*, Zulqa'idah 1416, bil. 59 tahun 5, London, hal. 51. Muhammad al-Ghazālī, *Khatab Shaykh Muhammad al-Ghazālī*, ed. Qatab

penyair Maḥmūd Sāmī al-Bārūdī (m. 1904M) dan daerah Ayta al-Bārūd juga merupakan tempat kelahiran tokoh-tokoh terkenal seperti Salīm al-Bishrī (m. 1917M), Ibrāhīm Hamrus (m. 1960M), Muḥammad ‘Abduh (m. 1905M), Maḥmūd Shaltūt (m. 1383H), Ḥasan al-Banna (m. 1949M), ‘Abd al-‘Azīz ‘Īsā dan ‘Abd Allāh al-Mas‘ad.² Beliau dibesarkan dalam keluarga yang kuat agama. Bapa beliau memberi nama Muḥammad al-Ghazālī sempena mengambil nama Abū Ḥāmid al-Ghazālī (m. 505H) kerana bapanya cenderung ke arah kesufian.³ Beliau merupakan anak sulung daripada 7 adik beradik.⁴ Beliau mendapat pendidikan awal di kampungnya. Sejak kecil lagi beliau sudah menunjukkan ciri-ciri keilmuan yang unggul dengan kemampuan menghafal al-Qur’an ketika berumur 10 tahun.⁵ Mendapat pendidikan rendah dan menengah di Kolej Agama Iskandariah, Mesir. Semasa memasuki sekolah peringkat rendah usianya baru menjangkau sebelas tahun iaitu pada tahun 1928.⁶ Beliau meneruskan pengajian ke Universiti al-Azhar pada tahun 1937 dan lulus dari Fakulti Usuluddin pada tahun 1941. Di Fakulti Usuluddin, beliau telah berguru dengan ulama-ulama besar al-Azhar, di antaranya ‘Abd ‘Azīm al-Zarqānī, Maḥmūd Shaltūt, Muḥammad Yūsuf Mūsā (m. 1963M) dan Muḥammad Ghallāb.⁷ Pada tahun 1937, beliau telah berkecimpung

¹ ‘Abd al-Ḥamīd, Dār al-‘Itisam, al-Qāhirah, t.t jil. 1, hal. 13. Basyūnī al-Ḥalwānī, “Wada‘ān .. Shaykh Muḥammad al-Ghazālī”, dalam *Majalah al-Iqtisād al-Islām*, bil. 181, tahun 15, Zulhijjah 1416, Kuwait. hal. 44. ‘Abd al-Ḥalīm ‘Awais, *Shaykh Muḥammad al-Ghazālī Marāḥil ‘Azīmah fī Ḥayāt Mujāhid ‘Azīm*, Dār al-Ṣahwah, al-Qāhirah, 1993. hal. 15. “Rajul Naṣr al-Islām Hin ‘Azz al-Naṣr”, dalam *Al-Ālām*, bil. 541, April 1996/Zulhijjah 1416. hal. 39. Muḥammad al-Ghazālī, “Qiṣṣat Ḥayāt” dalam *Islāmiyyat al-Ma‘rifah*, bil II, no. 3, Ramadan 1417H/Januari 1997, IIIT, Kuala Lumpur, hal. 155.

² ‘Abd al-Ḥalīm ‘Awais, *op. cit.*, hal. 15.

³ Muḥammad ‘Imārah, *op. cit.*, hal. 11, Hayyām Darbik, *op. cit.*, hal. 52.

⁴ Muḥammad ‘Imārah, *op. cit.*, hal. 11.

⁵ *Ibid.*, hal. 12, Basyūnī al-Ḥalwānī, *op. cit.*, hal. 44.

⁶ Muḥammad al-Ghazālī, “Qiṣṣat Ḥayāt”, hal. 159.

⁷ Hayyām Darbik, *op. cit.*, hal. 51.

dengan gerakan Ikhwān Muslimun pimpinan Ḥasan al-Bannā, dengan menjadi ahli gerakan ini. Sejak dari itu, beliau bergiat cergas dalam dakwah dan banyak pemikiran, pengalaman dan didikan diambil dari Ḥasan al-Bannā. Pada tahun 1943, beliau menerima ijazah Diploma Pendidikan pengkhususan Bahasa Arab dan Kesusasteraan dan ijazah Pengkhususan Dakwah daripada Fakulti Usuluddin, Universiti al-Azhar.⁸

Beliau merupakan anak didikan Ḥasan al-Bannā dan ulama besar al-Azhar. Muḥammad al-Ghazālī begitu terkesan dengan didikan dari Ḥasan al-Bannā. Beliau menyifatkan Ḥasan al-Bannā sebagai pendorong dan pembimbingnya dalam medan dakwah. Menurut Muḥammad al-Ghazālī, pertama kali beliau berjumpa dengan Ḥasan al-Bannā ketika menjadi penuntut di Kolej Agama Iskandariah semasa berumur lebih kurang 20 tahun.⁹

Hasil pengaruh ini, beliau telah mengarang kitab *Dustūr al-Waḥdah al-Thaqāfiyyah li al-Muslimīn* yang menjelaskan *Uṣūl 'Ishrīn* (Asas 20 Perkara) yang ditulis oleh Ḥasan al-Bannā. Muḥammad al-Ghazālī menyifatkan Ḥasan al-Bannā seorang pejuang yang ikhlas, mempunyai peribadi yang mulia dan pentafsir al-Qur'an yang baik. Beliau mempunyai kelebihan dapat memahami uslub yang susah lalu disampaikan kepada orang ramai dengan uslub yang begitu menarik dan mudah difahami.

Menurut Yūsuf al-Qaraḍāwī, Muḥammad al-Ghazālī dalam penjara Tur selalu meniupkan semangat perjuangan dengan mengatakan bahawa kematian Ḥasan al-Bannā tidak bermakna pertentangan dengan musuh-musuh Allah dan umat Islam telah berakhir. Panji-panji Ḥasan al-Bannā akan diteruskan oleh murid-muridnya dan dakwahnya tidak akan lenyap.¹⁰ Muḥammad al-

⁸ Aḥmad Shanwānī, *op. cit.*, hal. 12, Muḥammad 'Abd al-Shāfi, "Sūrah min Qārib" dalam *Majalah al-Khayriyyah*, bil. 73, Zulhijjah, 1416, Kuwait. hal. 42, Muḥammad 'Imārah, *op. cit.*, hal. 13.

⁹ 'Abd al-Ḥalīm 'Awais, *op. cit.*, hal. 15.

¹⁰ Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Shaykh al-Ghazālī Kama 'Araḥtuḥ*, Dār al-Wafā', al-Qāhirah, 1995. hal. 28.

Ghazālī juga terkesan dengan didikan ulama-ulama besar al-Azhar. Beliau mengakui terpengaruh dengan didikan ‘Abd al-‘Azīm al-Zarqānī r.h., guru tafsir dalam Fakulti Usuluddin.¹¹ Di Kolej Agama Iskandariah, beliau terpengaruh dengan gurunya yang bernama Ibrāhīm al-Gharbawī dan ‘Abd al-‘Azīm Bilāl, guru pendidikan psikologi.¹² Beliau juga terpengaruh dengan Maḥmūd Shaltūt, guru dalam bidang Tafsir, dan kemudian menjadi Shaykh al-Azhar.¹³ Begitulah tokoh-tokoh ulama yang mempengaruhi jiwa Muḥammad al-Ghazālī sehingga beliau tidak mengenal erti penat dan lelah, sanggup dipapah di serata dunia semata-mata untuk menyebarkan dakwah serta meninggikan kalimah Allah yang mulia.

Muḥammad al-Ghazālī merupakan seorang penulis sejak beliau menuntut di Universiti al-Azhar dalam usia yang masih muda. Menurutnya, masa yang paling baik baginya menulis ialah selepas solat subuh.¹⁴ Muḥammad al-Ghazālī menjadi penulis dalam akhbar *al-Muslimūn*, *al-Nazir*, *Liwā’ al-Islāmī*, *Mimbar al-Islām*, *Majalah al-Azhar*, dan lain-lain akhbar di Mesir. Di Arab Saudi, beliau menulis di akhbar *al-Da’wah*, *al-Tadāman al-Islāmī*, dan *Majalah Rābitah*. Sementara di Qatar dalam majalah *Ummah* dan di Kuwait dalam majalah *al-Wa’i al-Islāmī*.¹⁵ Banyak pemikiran diutarakan dalam tulisan-tulisannya sehingga beliau dikenali sebagai *Adīb al-Da’wah*. Hasan al-Bannā pernah menulis kepadanya pada tahun 1945 dengan berkata:

¹¹ ‘Abd Allāh al-‘Aqīl, “Dā’iyah al-Mujaddid Shaykh Muḥammad al-Ghazālī” dalam *Mujtama’*, bil. 1296, Zulhijjah 1418, Kuwait. hal. 46. Qatab ‘Abd al-Ḥamid Qatab, *Khatāb Shaykh Muḥammad al-Ghazālī*, jilid 1, hal. 14.

¹² Yūsuf al-Qaradāwī, *op. cit.*, hal. 29. ‘Abd Allāh al-‘Aqīl, *op. cit.*, hal. 46.

¹³ Yūsuf al-Qaradāwī, *op. cit.*, hal. 30.

¹⁴ Qatab ‘Abd al-Ḥamid Qatab, *op. cit.*, jilid 1, hal. 14.

¹⁵ Aḥmad Shanwānī, *op. cit.*, hal. 12.

“Saya telah membaca artikel anda yang bertajuk *Ikhwān al-Muslimūn wa al-Aḥzāb* (Gerakan Ikhwan Muslimun dan parti-parti) pada bilangan terakhir dari majalah *al-Ikhwān* maka didapati perkataan yang mudah, makna yang tajam dan adab yang lembut lagi halus. Beginilah sepatutnya kamu menulis wahai Ikhwān Muslimūn, selalu menulis dan Ruh yang mulia akan menolong kamu dan Allah bersama kamu.”¹⁶

Pada tahun-tahun terakhir sebelum meninggal dunia, beliau menjadi kolumnis tetap bagi surat khabar mingguan *Sha‘ab* di Mesir atas tajuk “*Hādḥā Dīnūnā*” dan akhbar *al-Muslimīn* atas tajuk “*al-Ḥaqq Murr*.”¹⁷

Muhammad al-Ghazālī pernah bertugas di Kementerian Wakaf Mesir sebagai penasihat kepada Universiti al-Azhar, Pengarah Umum Masjid dan Pengarah Dakwah. Pada 21 Julai 1981, beliau dilantik menjadi Timbalan Menteri Kementerian Wakaf, Bahagian Dakwah.¹⁸ Beliau juga pernah menjadi imam dan khatib di Masjid al-Azhar, Masjid Atabah al-Khadra’ dan Masjid ‘Amru bin al-‘As.¹⁹ Dalam bidang akademik, Muhammad al-Ghazālī pernah bertugas sebagai Profesor di Universiti Qatar dan mengetuai Lembaga Akademik Fakulti Pengajian Islam, Universiti Amir ‘Abd al-Qādir di Algeria. Beliau juga pernah menjadi tenaga pengajar di Universiti Umm al-Qurā, Mekah.²⁰ Beliau juga pernah mengajar di Fakulti Syariah dan Fakulti Usuluddin di Universiti al-Azhar:

Semasa hayatnya, Muhammad al-Ghazali pernah menerima anugerah Ijazah al-Malik Faiṣal dalam bidang Khidmat Islam pada

¹⁶ Muḥammad ‘Imārah, *op.cit.*, hal. 13. ‘Abd al-Ḥalīm ‘Awais, *op.cit.*, hal. 16

¹⁷ Yūsuf al-Qaradāwī, *op. cit.*, hal. 61

¹⁸ Muḥammad ‘Imārah, *op. cit.*, hal. 13. ‘Abd Allāh al-‘Aqīl, *op. cit.*, hal. 46.

¹⁹ Muḥammad ‘Imārah, *op. cit.*, hal. 15.

²⁰ *Ibid.*

tahun 1989,²¹ Anugerah Penulis pada tahun 1991,²² Anugerah Penghargaan Negara Mesir pada tahun 1992 dalam bidang Ilmu Kemasyarakatan dan Anugerah Presiden bagi kesjaranaan yang cemerlang Universiti Islam Antarabangsa pada tahun 1995.

Beliau meninggal dunia di Riyadh pada 9 Mac, 1996 selepas diserang sakit jantung. Beliau dimakamkan di perkuburan al-Baqi', Madinah al-Munawarah berdekatan dengan makam anak Nabi Muhammad Ibrahim dan Malik bin Anas iaitu lebih kurang 15 meter dari masjid al-Nabawi. Jenazahnya telah disembahyangkan oleh Huzayfi di Masjid al-Nabawi. Allah telah memuliakannya dan dimakamkan berhampiran makam Nabi Muhammad s. 'a.w sehingga penggali kubur bertanya siapakah yang akan dikebumikan di tempat yang mulia ini yang begitu dekat dengan Masjid Rasulullah s. 'a.w lalu mereka memberitahu orangnya ialah Muḥammad al-Ghazālī.²³

Jād al-Ḥaqq 'Alī Jād al-Ḥaqq menyifatkan Muḥammad al-Ghazālī sebagai seorang pendakwah yang ulung, yang keseluruhan hidup dan waktunya berkhidmat untuk Islam, mempunyai ketegasan dan pendirian yang tetap.²⁴ Sayyid Aḥmad 'Abd al-Hādī al-Qaṣībī, ketua Tariqat Sufi menyifatkan Muḥammad al-Ghazālī sebagai seorang yang mempunyai pemikiran bernas, perkataan yang lembut, kefahaman yang mendalam bagi *maqāṣid* agama dan pandangan yang ideal dalam kebangkitan umat. Beliau meninggal dunia dalam keadaan berjuang pada jalan Allah dan menjadi contoh teladan buat generasi selepasnya.²⁵ Maḥmūd Ḥamdī

²¹ Ijazah ini diberikan oleh pihak kerajaan Arab Saudi kepada mereka yang banyak memberi sumbangan kepada dunia Islam. Ijazah ini terbahagi kepada kategori Khidmat Islam, Pengajian Islam, Kesusasteraan Arab, Perubatan dan Sains. Anugerah ini mula diperkenalkan pada tahun 1979.

²² Majalah *Al-Faiṣal*, bil. 185, Mei 1992, hal. 137.

²³ Aḥmad 'Atiyyah, "Kana Amaluh An Yudfan bi Jiwar al-Imām al-Shāfi'i" dalam *Taṣawwuf al-Islāmī*, bil. 11, tahun 18, Zulqa'idah 1416, al-Qāhirah, hal. 10-11.

²⁴ *Ibid.*, hal. 16.

²⁵ *Ibid.*

Zaqzūq, Menteri Wakaf Mesir menyifatkan Muḥammad al-Ghazālī sebagai contoh bagi setiap para pendakwah untuk mengikuti perjalanan dan metodologi dakwahnya. Kematiannya merupakan kehilangan yang besar dalam medan dakwah di Mesir dan dunia Islam keseluruhannya.²⁶

Muḥammad ‘Imārah seorang pemikir Islam dari Mesir menyifatkan Muḥammad al-Ghazālī sebagai tokoh ulama mujaddid dalam pemikiran Islam pada masa kini, terdapat dalam diri dan pemikirannya metodologi pengetahuan Islam yang menggabungkan *nas* dan akal di samping ilmu-ilmu semasa.²⁷ ‘Umar Hāshim, Rektor Universiti al-Azhar menyifatkan al-Ghazālī sebagai seorang mujaddid yang mempunyai keistimewaan tersendiri dalam pemikiran dan ijtihadnya. Beliau meminta generasi muda kini mencontohi manhajnya dalam kehidupan mereka.²⁸

Muḥammad al-Ghazālī merupakan seorang pemikir Islam abad ini. Idea-ideanya bukan sahaja untuk dunia Arab sahaja tetapi juga untuk dunia Islam keseluruhannya. Antara tema-tema besar pemikirannya untuk membina tamadun Islam ialah:

i) Kembali Kepada Pemikiran al-Qur’an Yang Syumul

Muḥammad al-Ghazālī menekankan pentingnya umat Islam memiliki pemikiran al-Qur’an yang syumul. Al-Qur’an hendaklah dibaca dengan penuh penelitian supaya menghasilkan pemikiran yang terbaik dalam usaha memakmurkan bumi ini. Beliau mengkritik keras sikap umat Islam yang lalai memahami dan tidak mengambil pemikiran yang syumul dari al-Qur’an. Beliau menegaskan masih banyak umat Islam menghadapi al-Qur’an secara buta tuli. Sebenarnya, umat lain menyedari keadaan kaum muslimin terhadap al-Qur’an. Oleh itu, kita dapati beberapa siaran radio antarabangsa memperuntukkan waktu untuk menyiarkan pro-

²⁶ *Ibid.*, hal. 17.

²⁷ Basyūnī al-Ḥalwānī, *op. cit.*, hal. 46.

²⁸ “Fī al-Ihtifāl bi Ta’bin Shaykh al-Ghazālī” dalam *Akhbar Liwā’ al-Islāmī*, al-Qāhirah, 9 Zulhijjah 1416/28 Mac 1996. hal. 4.

gram harian untuk bacaan al-Qur'an. Mereka berbuat demikian kerana mereka yakin umat Islam hari ini hanya mampu mendengar tetapi tidak memahaminya.²⁹

Menurut Muḥammad al-Ghazālī isu-isu yang diutarakan dalam al-Qur'an adalah isu-isu ilmiah yang praktis. Al-Qur'an membentuk peribadi, jiwa, akhlak, umat dan tamadun. Muḥammad al-Ghazālī membawa bukti sejarah iaitu bangsa Arab yang dahulu hidup dalam keadaan jahiliah akhirnya apabila diturunkan al-Qur'an telah merubah segala-galanya. Mereka bertukar menjadi umat yang cintakan syura, bencikan autokrasi, mengamalkan keadilan dan menghapuskan diskriminasi kelas.³⁰

Muḥammad al-Ghazālī juga menerangkan intisari pemikiran al-Qur'an itu adalah seperti kata Rabi'i bin 'Āmir ketika berdepan dengan tentera Parsi, "*Kami datang untuk menghapuskan perhambaan manusia sesama manusia kepada beribadat kepada Allah, dari kesempitan dunia kepada keluasan dunia dan akhirat, dari angkara agama-agama kepada keadilan Islam.*" Ungkapan ini menunjukkan kesyumulan pemikiran al-Qur'an dalam membina tamadun manusia yang memelihara hak-hak manusia sejagat. Beliau juga menerangkan pendekatan yang perlu bagi mendapatkan pemikiran yang ilmiah iaitu menjauhkan sikap "mengada-ada" ketika berinteraksi dengan al-Qur'an. Menurutnya, Islam memiliki sifat fitrah yang mudah. Agama Islam adalah agama fitrah. Sedangkan kekufuran adalah penyelewengan daripada fitrah. Allah telah menyebut bahawa hakikat-hakikat agama adalah terang, nyata dan terserlah dengan memerhati dan merenungkan tanda-tanda Allah yang bertebaran pada segenap penjuru dan diri manusia.³¹

Daripada pengkajian mengenai al-Qur'an ini juga akan menghasilkan ilmu psikologi yang baik sebagai alternatif kepada manusia. Beliau menegaskan bahawa seandainya kita mengikuti

²⁹ Muḥammad al-Ghazālī, *Kayfa Nata'āmal Ma'a al-Qur'ān*, Dār al-Wafā, al-Qāhirah, 1992. hal. 27.

³⁰ *Ibid.*, hal. 30.

³¹ *Ibid.*, hal. 44.

dengan penuh teliti disiplin ilmu-ilmu al-Qur'an dan kita cuba merenungi tanda-tanda kekuasaan Allah yang ada pada diri kita, nescaya kita akan mempunyai ilmu psikologi yang mengenali kebesaran Allah.³²

Muhammad al-Ghazālī berpendapat bahawa kebangkitan Islam bermula daripada penghayatan al-Qur'an yang syumul. Cetusan Islam digerakkan oleh al-Qur'an. Fahaman penghayatan al-Qur'an yang syumul ini telah menjadi penggerak kepada generasi awal Islam. Beliau berpendapat bahawa cetusan al-Qur'an sebagai pencetus tamadun telah hilang disebabkan kita sibuk dengan urusan yang lain.³³

Penyeruan al-Qur'an sebagai penggerak kepada tamadun ini banyak diutarakan oleh golongan *madrāsah al-Manār* seperti Muhammad 'Abduh, Rashīd Riḍā dan Ḥasan al-Bannā. Rashīd Riḍā menyebutkan bahawa revolusi yang akan membebaskan akal insani, perhambaan dan kezaliman hanya boleh dilakukan melalui prinsip al-Qur'an.³⁴

ii) Membebaskan Wanita Daripada Belenggu *Taqlid*

Islam telah menggariskan kedudukan wanita bersesuaian dengan fitrah naluri mereka. Islam memerangi golongan yang menganggap wanita sebagai punca malapetaka. Islam menganggap kejadian lelaki dan wanita sebagai khalifah Allah di muka bumi ini dan segala amalan akan dikira sama di sisi Allah kelak. Rasulullah s.a.w bersabda yang maksudnya:

“*Sesungguhnya wanita itu adalah gandingan bagi kaum lelaki.*”³⁵

³² *Ibid.*, hal. 45.

³³ *Ibid.*, hal. 224.

³⁴ Rashīd Riḍā, *Waḥy al-Muḥammadi*, al-Zahrā' li al-I'lām, al-Qāhirah, cet. Ke-2, 1988. hal. 89.

³⁵ Al-Mubarakfūrī, *Tuḥfah al-Aḥwāzī*, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Bayrut, cet. Pertama, 1990, jil. 1, hal. 312 (bab al-Ṭahārah).

Menurutnya, kaum Muslimin pada masa lampau menzalimi wanita dan menyekat kebebasan mereka, banyak ibubapa yang menzalimi anak-anaknya dengan mengahwinkan tanpa izinnnya, dan tidak memberikan haknya dalam harta pesaka, suami-suami menzalimi isteri mereka dengan mengharamkan mereka untuk pergi ke masjid malahan tidak membenarkan mereka menziarahi ibubapa mereka. Mereka menganggap wanita sebagai alat perhiasan sahaja yang berkhidmat untuk memuaskan nafsu lelaki semata-mata. Perkara-perkara ini yang diperangi oleh Muḥammad al-Ghazālī dalam kebanyakan bukunya. Muḥammad al-Ghazālī ingin membebaskan wanita Muslim daripada belenggu *taqlid* iaitu:

- a) *Taqlid* yang diwarisi dari zaman kejatuhan Islam iaitu mengharamkan wanita mempelajari ilmu.
- b) *Taqlid* yang diwarisi dari unsur-unsur luaran bersama dengan pemikiran dan budaya asing yang menyimpang daripada cahaya al-Qur'an dan al-Sunnah.³⁶

Beliau berpendapat hak talak untuk lelaki bersamaan hak khuluk untuk wanita. Beliau menyatakan perkara ini berdalilkan ayat al-Qur'an dalam surah al-Baqarah 229.³⁷ Muḥammad al-Ghazālī menyokong pendapat bahawa pampasan (*diyāt*) yang dibayar seorang lelaki atau wanita yang dibunuh adalah sama kadarnya. Beliau berhujahkan bahawa *diyāt* yang disebut dalam al-Qur'an adalah sama bagi lelaki dan perempuan dan untuk mengelakkan tuduhan kononnya Islam memandang hina terhadap wanita.³⁸

Sementara *hadith* yang menyebutkan *diyāt* perempuan setengah dari *diyāt* lelaki merupakan *hadith* yang tidak sahih dan isadnya tidak *thabit*. Malahan tidak terdapat dalam *Ṣaḥīḥayn*.³⁹

³⁶ Yūsuf al-Qaradāwī, *op. cit.*, hal. 209.

³⁷ Muḥammad al-Ghazālī, *Kayfa Nata'āmal Ma'a al-Qur'ān*, hal. 150.

³⁸ Muḥammad al-Ghazālī, *Turāthunā al-Fikr bayn al-Shar' wa al-Aql, Dār al-Shurūq, al-Qāhirah*, Cet. Kedua, 1991. hal. 135.

³⁹ Yūsuf al-Qaradāwī, *op. cit.*, hal. 166.

Perkara ini telah dikupas oleh banyak ulama sebelum Muḥammad al-Ghazālī seperti Muḥammad Abū Zahrah, Maḥmūd Shaltūt, ‘Azz al-Dīn al-Balīq dan ‘Abd al-Ḥalīm ‘Awais.⁴⁰

iii) Memperbetulkan Kefahaman Agama

Aspek terpenting yang selalu disuarakan oleh Muḥammad al-Ghazālī iaitu memperbetulkan salah faham terhadap agama Islam sama ada dari orang Islam mahupun orang bukan Islam. Beliau juga menjelaskan konsep keutamaan dalam konteks kehidupan manusia. Orang Islam perlu memahami Islam secara syumul supaya tidak berlaku perselisihan faham yang akan melemahkan umat Islam. Beliau menggesa umat Islam supaya memahami *tasawwuf* secara betul. *Tasawwuf* itu ialah suatu ilmu yang banyak memelihara dan memupuk unsur-unsur keislaman yang murni tetapi yang menyedihkan sekarang ilmu *tasawwuf* ini telah diresapi oleh anasir-anasir yang mungkar dan pemikiran-pemikiran asing yang bertentangan dengan ajaran Islam. Perkara inilah yang menjadi sebab bagi kelumpuhan yang menimpa pemikiran umat Islam dalam berbagai-bagai bidang kehidupan. Beliau juga memperjelaskan perlunya orang-orang Muslim berinteraksi dengan *tasawwuf* dan fiqh secara betul supaya memberi kesan kepada jiwa dan peningkatan sahsiah. Beliau menyebutkan bahawa para fuqaha sibuk dengan muamalat dan ibadat-ibadat yang zahir, manakala ahli pendidik (ahli *tasawwuf*) sibuk dengan akhlak dan *tarbiyyah*. Pada hal banyak dari kalangan mereka (ahli fiqh) ketandusan kerohanian dan semangat. Sementara itu, banyak pula yang ketandusan ilmu untuk dijadikan pegangan dan undang-undang (iaitu dari kalangan ahli *tasawwuf*) Natijahnya timbul kegoncangan dan kemelut dalam pemikiran Islam. Hal ini disebabkan terpisahnya fiqh daripada *tasawwuf* atau terpisahnya *tasawwuf* daripada fiqh yang telah merosakkan umat sehingga kedapatan orang-orang yang suka beribadat dan melakukan bid‘ah serta tidak memiliki kesedaran dan ilmu pengetahuan. Manakala mereka yang sibuk dengan pelbagai rupa ibadat dan fiqh, tidak memiliki

⁴⁰ ‘Abd al-Ḥalīm ‘Awais, *op. cit.*, hal. 27.

kerohanian dan kekhusyukan.⁴¹ Perkara ini menimbulkan kepincangan dalam masyarakat Islam dan perlu diperbetulkan.

iv) Konsep Ijtihad

Muhammad al-Ghazālī menjelaskan konsep ijtihad yang diperlukan pada masa sekarang. Menurutnya, ijtihad amat penting terutama dalam bentuk kolektif. Walaupun begitu, beliau sentiasa menyebutkan bahawa ijtihad dalam bidang-bidang ibadat tidak perlu ditambah lagi. Cukup sekadar dengan apa yang umat Islam warisi selama ini. Ijtihad yang diperlukan sekarang ialah ijtihad dalam bidang hubungan antarabangsa, kemasyarakatan, pentadbiran dan lain-lain. Beliau berpendapat agar diperbanyakkan ijtihad dalam lingkungan wawasan Islam.

Muhammad al-Ghazālī menegaskan perbezaan ijtihad antara para fuqaha tidak bererti memecahbelahkan umat. Ijtihad bukanlah sesuatu yang kudus dan menentangnya bukanlah dianggap satu dosa atau menentang syarak. Beliau membawa contoh imam-imam yang besar walaupun berbeza pendapat tetapi keharmonian terus wujud. Perbezaan pendapat dalam bidang fiqh tidak boleh dianggap memecahbelahkan agama. Beliau menegaskan bahawa tidak ada di kalangan orang Islam yang berfikiran waras menyatakan bahawa perbezaan pendapat di dalam fiqh itu sebagai perpecahan agama. Perbezaan pendapat dalam fiqh adalah perbezaan dalam memahami *nas* atau makna yang dimaksudkan iaitu perkara yang dimungkinkan oleh *nas* itu sendiri.⁴²

Beliau menentang keras golongan yang begitu ta'asub dalam sesuatu mazhab dengan mengatakan mazhabnya yang paling betul. Beliau menyebut bahawa kini telah menular di kalangan sesetengah pelampau mazhab yang tidak mengenali mazhab lain. Mereka hanya melihat pendapat mazhabnya sahaja dan meniadakan mazhab lain, malah menganggapnya haram. Ini tidak

⁴¹ Muhammad al-Ghazālī, *Kayfa Nata'amal Ma'a al-Qur'an*, hal. 66.

⁴² *Ibid.*, hal. 110.

benar. Penyakit ini telah menular di kalangan orang jahil dan pelampau yang merosakkan umat Islam.⁴³

Beliau menyebut bahawa kewajipan umat Islam adalah menghidupkan warisan lama itu dan mempelajari menurut mazhab imam yang empat dan imam-imam yang setaraf dengan mereka dari para mujtahidin dan tokoh-tokoh yang datang kemudian dari mereka. Umat Islam hendaklah menghapuskan perasaan ta'asub kepada mana-mana mazhab tertentu. Apa yang wajib dilakukan ialah memberi penilaian yang sewajarnya kepada mereka semua dan mengkaji pendapat-pendapat mereka agar umat Islam dapat mengambil manfaat sebanyak mungkin.⁴⁴

v) Kefahaman *Sunnatullāh*

Muhammad al-Ghazālī membahagikan hukum Ilahi (*sunnatullāh*) kepada 5 bahagian. Menurutnya, perkara ini amat penting supaya tindakan yang diambil dalam pembinaan tamadun bersesuaian dengan prinsip al-Qur'an. Beliau membahagikan sunnah tersebut seperti berikut :

- i) *Sunnah al-Tadarruj* (secara beransur-ansur)
- ii) *Sunnah al-Ajal* (tempoh masa yang tertentu)
- iii) *Sunnah Tadāwul al-Ḥadāri* (peredaran tamadun)
- iv) *Sunnah al-Mudāfa'ah* (pembelaan)
- v) *Sunnah al-Taskhīr* (penguasaan)
- vi) Peraturan Allah yang lain pada diri, dimensi dan alam.⁴⁵

a) *Sunnah al-Tadarruj*

Maksud *Sunnah al-Tadarruj* ialah beransur-ansur. Mengikut Muhammad al-Ghazālī sunnah beransur-ansur adalah peraturan al-Qur'an yang mempunyai ciri-ciri yang wajib diketahui dalam menyampaikan dakwah dan membina tamadun umat.

⁴³ *Ibid.*, hal. 107.

⁴⁴ Muhammad al-Ghazālī, *Islām wa al-Taqaṭ al-Mu'attalah*, Dar al-Kutub al-Islāmiyyah, al-Qāhirah, Cet. Keempat, 1983. hal. 77.

⁴⁵ Muhammad al-Ghazālī, *Kayfa Nata'amal Ma'a al-Qur'an*, hal. 119.

Beliau menyarankan supaya dikemukakan Islam secara beransur-ansur dalam perlaksanaan. Ini disebabkan *mad'u* itu berlainan antara satu bangsa dengan bangsa yang lain. Walaupun begitu, beliau meletakkan syarat bahawa *tadarruj* itu hendaklah dengan niat untuk sampai kepada Islam keseluruhannya dan dengan cara yang diakui oleh syariat.⁴⁶ Menurutnya, dalam bidang akidah tidak ada *tadarruj*.⁴⁷

b) *Sunnah al-Ajal*

Sunnah al-Ajal ini membawa erti bahawa setiap sesuatu ada tempoh masa yang tertentu. Tidak mungkin sesuatu perkara itu dipercepatkan atau disingkatkan sebelum tiba masanya.⁴⁸ Muhammad al-Ghazālī menerangkan supaya pendakwah tidak tergopah-gapah untuk mendapat hasil tanpa membuat persiapan dan penyediaan, seolah-olah mereka berurusan dengan sunnah luar biasa.

c) *Sunnah al-Tadāwul al-Ḥaḍārī*

Sunnah al-Tadāwul al-Ḥaḍārī membawa makna perpindahan atau peredaran tamadun yang merupakan hukum alam. Beliau menerangkan sebab kejatuhan dan kejayaan sesuatu tamadun. Kebangkitan tamadun itu mempunyai hukum dan peraturan. Sekiranya umat Islam memenuhi syarat-syaratnya, pasti mereka akan berjaya. Kejatuhan tamadun kebanyakannya berpunca dari kerosakan dari dalam di samping anasir-anasir luar.⁴⁹

d) *Sunnah al-Mudāfa'ah*

Sunnah al-Mudāfa'ah ialah pertembungan di antara kekuasaan orang zalim yang saling bertarung dan di celah-celah itu muncul pula orang yang lemah mengambil kesempatan untuk membina tamadun. Pertembungan antara dua pihak yang bermusuhan dapat

⁴⁶ *Ibid.*

⁴⁷ *Ibid.*, hal. 120.

⁴⁸ *Ibid.* hal. 122.

⁴⁹ *Ibid.*, hal. 126.

memberi peluang dan ruang untuk kaum muslimin melakukan gerakan yang berhikmah dalam membina semula tamadun. Perkara ini dinamakan *sunnah Mudāfa'ah*.⁵⁰

e) *Sunnah Taskhīr*

Sunnah Taskhīr ialah menundukkan dan menguasai alam. Manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi ini mestilah menundukkan setiap perkara untuk kepentingan mereka dan sekaligus menguasainya.⁵¹ Ia juga bererti bahawa segala kejadian alam ini adalah untuk manfaat manusia seluruhnya supaya mereka menggunakan dengan sebaik-baiknya. Muḥammad al-Ghazālī membawa hujah dari al-Qur'an yang menyebutkan bahawa keimanan dan ketaqwaan amat penting dalam berurusan dengan *sunnah al-Taskhīr* ini. Iman dan ketaqwaan sebagai pintu ke arah kemakmuran, manakala kemungkaran jalan ke arah kerosakan terhadap undang-undang *taskhīr*. Beliau membawa bukti dengan firman Allah yang bermaksud:

"Sekiranya penduduk kota-kota beriman dan bertakwa, pastilah Kami melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi. (al-'Arāf, 96).

Ayat ini mengaitkan keimanan dan ketaqwaan dengan penyingkapan *sunnah Taskhīr* dan penambahan rezeki.

Muḥammad al-Ghazālī telah mengemukakan *sunnatullāh* yang termaktub dalam al-Qur'an untuk manusia memahami, merenung dan melaksanakannya dalam kehidupan mereka. Kefahaman tentang hukum-hukum dan sunnah alam memberi satu jalinan dan kerangka untuk umat Islam bergerak dalam menghadapi pelbagai tentangan dari barat dan timur. *Sunnatullāh* itu tetap akan berlaku kepada manusia sepanjang zaman. Oleh itu, penyingkapan rahsia *sunnatullāh* ini membolehkan dunia ini maju, beroleh kemajuan dan kejayaan. Kecuaian umat Islam terhadap *sunnatullāh* tersebut menyebabkan kemunduran, kejatuhan dan ditundukkan. Oleh yang demikian, perkara yang disebut oleh Muḥammad al-Ghazālī amat

⁵⁰ *Ibid.*, hal. 127.

⁵¹ *Ibid.*, hal. 131.

penting diberi perhatian oleh umat Islam kini dalam membina tamadun Islam yang cemerlang. Firman Allah yang bermaksud:

“Dan sekali-kali kamu tidak mendapat perubahan pada sunnah Allah itu.” (al-Fatir, 43).

Perkara *sunnatullāh* ini juga telah dinyatakan oleh ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd:⁵²

v) Peranan Akal dan Penyeruan Kepada Kemajuan Umat

Muḥammad al-Ghazālī mengkritik golongan yang menyeru ke arah jumud, mengurung akal dan memenjarakannya serta membataskan kepada fahaman-fahaman silam. Perkara ini menjadi benteng penghalang untuk umat Islam berinteraksi dengan al-Qur’an secara betul. Beliau menyebutkan bahawa Islam membebaskan akal dan tidak pernah menyekatnya, malah Islam mengaktifkan akal dan tidak membekukan fungsinya. Al-Qur’an menggesa kita supaya membaca ‘kitab alam’ dan memikirkan rahsia-rahsia dan hukum-hukumnya.⁵³

Antara sebab kemunduran umat ialah ceteknya kefahaman mengenai Islam, banyaknya perkara-perkara khurafat, kegagalan berinteraksi dengan alam secara betul, dan kerosakan sistem politik yang tidak berteraskan keadilan sosial. Oleh itu, Muḥammad al-Ghazālī sentiasa menyeru umat Islam supaya gigih dalam segala bidang untuk kemajuan ummah keseluruhannya. Kemajuan ini akan tercapai apabila kita berinteraksi dengan ajaran agama Islam secara betul. Beliau memberi contoh kapal-kapal di lautan yang dimiliki oleh orang bukan Islam sedangkan ayat al-Qur’an menyebutkan Allahlah yang menundukkan lautan untuk kamu

⁵² ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, *al-Qur’ān fī Sharḥ al-Qur’ān*, Dār al-Ma‘arīf, al-Qāhirah, Cetakan Keempat, t.t., hal. 170. Dalam karya ini, beliau telah mengariskan beberapa peraturan al-Qur’an mengenai kehidupan manusia. Peraturan mengenai penambahan rezeki yang dikaitkan dengan permohonan ampun dari manusia kepada Allah, peraturan kemenangan dan kegembiraan kepada orang yang bertawakal kepada Allah sepenuh hati.

⁵³ *Ibid.*, hal. 88

mengambil manfaatnya.⁵⁴

Beliau menyebut syarat untuk umat Islam maju ialah kembali memperbaiki urusan dengan al-Qur'an. Beliau juga menjelaskan antara faktor-faktor kemunduran umat ialah:

- a. Kerosakan jiwa beragama kerana mengikut ajaran-ajaran *tasawwuf* dan tersebarnya pendapat-pendapat mereka yang berupa anti kehidupan.
- b. Kemosrotan nilai kemanusiaan bagi individu-individu sepanjang pemerintahan politik diktator yang begitu lama.
- c. Kemalapan tenaga akliah atau mental hingga banyak perkara *waham* dan khurafat menguasai kehidupan orang awam.
- d. Pengkhianatan terang-terangan terhadap kebanyakan *nas* dan prinsip-prinsip Islam.⁵⁵

Dalam buku *Kayfa Nata'āmal Ma'a al-Qur'ān*, beliau menjelaskan sebab kemunduran umat Islam. Antaranya:

- i) Berpunca dari tabiat orang Arab yang cenderung kepada teknik bercakap atau keindahan kata-kata.
- ii) Terlalu banyak riwayat melebihi apa yang diperlukan. Umat Islam sibuk dengan 'akal riwayat' daripada 'akal pembahas atau akal penyelidik'. Masalah yang menyekat pencetusan pemikiran ilmiah ialah riwayat-riwayat yang amat lemah.
- iii) Kerosakan pemerintah menjadi punca berlakunya kekacauan dalam masyarakat dan menjadi penyebab utama kejatuhan tamadun Islam.⁵⁶

Muḥammad al-Ghazālī telah mengemukakan satu gagasan untuk mengembalikan kegemilangan umat Islam. Oleh itu, beliau

⁵⁴ *Ibid.*, hal. 57

⁵⁵ Muḥammad al-Ghazālī, *Islām wa al-Taḡat al-Mu'attalah*, hal. 27.

⁵⁶ Muḥammad al-Ghazālī, *Kayfa Nata'āmal Ma'a al-Qur'ān*, hal. 143.

menggesa umat Islam mempunyai pemikiran yang terbuka dan sederhana (*al-fikr al-wasatiy*). Adalah menjadi cita-citanya agar umat Islam mempunyai kesedaran yang tinggi bagi membentuk peradaban generasi Mukmin yang baru dan berhak untuk diberi gelaran *jil al-Naşr*.